

TEGURAN AUDIT

BIL.	SKOP	PENEMUAN AUDIT	TINDAKAN SEWAJARNYA	CATATAN
1.	Kajian Pasaran	<p>1. Jabatan dan Agensi tidak membuat kajian pasaran atau hanya mendapatkan 1 atau 2 tawaran harga (<i>quotation</i>).</p> <p>2. Kajian pasaran dikemukakan tetapi setelah semakan lanjut dibuat, ia merupakan syarikat yang sama.</p>	<p>1. Jabatan dan Agensi mendapatkan tiga (3) tawaran harga dari syarikat yang <u>BERBEZA</u>.</p>	<p>PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan Perkara 5(vi)(jadual) dan 5(vii)(b) muka surat 11,12 dan 13.</p>
2.	Pecah Kecil	<p>1. Jabatan dan Agensi telah memecahkecilkan perolehan tahunan untuk bekalan/perkhidmatan dan tender bagi mengelakkan daripada pelawaan sebut harga dan tender. Contoh: perolehan bekalan alat tulis.</p>	<p>1. Jabatan dan Agensi membuat Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) pada awal tahun bagi memastikan urusan perolehan jabatan dilaksanakan dengan teratur.</p>	<p>PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan Perkara 1(iii) muka surat 5</p>
3.	Jawatankuasa Spesifikasi	<p>1. Jawatankuasa Spesifikasi tidak diwujudkan bagi penyediaan spesifikasi umum/ khusus dan teknikal bagi perolehan yang dibuat. Ini menyebabkan spesifikasi yang disediakan tidak sempurna/ jelas dan terperinci.</p>	<p>1. Jawatankuasa Spesifikasi dilantik oleh Ketua Jabatan dan Agensi bagi spesifikasi umum/ khusus dan teknikal.</p> <p>2. Jawatankuasa terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) pegawai yang mahir serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan (boleh terdiri daripada wakil-wakil Jabatan dan Agensi berkaitan).</p>	<p>PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan Perkara 1(iv)(a) muka surat 7</p>

TEGURAN AUDIT

BIL.	SKOP	PENEMUAN AUDIT	TINDAKAN SEWAJARNYA	CATATAN
4.	Pelantikan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/ Tender	1. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga / Tender tidak dilantik secara rasmi iaitu secara bertulis oleh Ketua Jabatan/ Bahagian.	1. Pelantikan perlu dibuat secara bertulis sebelum Jawatankuasa melaksanakan tugas.	PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan Perkara 7(viii)(b) dan (c) muka surat 22 dan 23
5.	Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	1. Pembekal yang dilantik tidak berdaftar dengan MOF dan/ atau tempoh sah laku pendaftaran telah tamat tempoh atau hampir tamat (kurang dari 3 bulan).	1. Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Harga (Kewangan) perlu membuat semakan dengan teliti bagi memastikan syarikat memenuhi syarat yang telah ditetapkan.	PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan
6.	Surat Setuju Terima (SST)	1. Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan lewat (melebihi 7 hari) selepas kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM).	1. Jabatan dan Agensi perlu memastikan SST dikeluarkan kepada syarikat yang berjaya dalam tempoh 7 hari selepas keputusan PBM	PK4.2 Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan bagi Perolehan Kerajaan
7.	Pengiraan Bon	1. Formula pengiraan bon yang digunakan adalah kurang tepat atau salah.	1. Jabatan dan Agensi perlu memastikan penggunaan formula yang betul sepertimana yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan	PK4.2 Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan bagi Perolehan Kerajaan Perkara 9.19.8 (muka surat 29 hingga 35
8.	Dokumen Kontrak	1. Dokumen kontrak tidak disediakan dalam tempoh 4 bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat.	1. Jabatan dan Agensi perlu memastikan dokumen kontrak disediakan dan ditandatangani oleh	1. PK4.2 Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan bagi Perolehan

TEGURAN AUDIT

BIL.	SKOP	PENEMUAN AUDIT	TINDAKAN SEWAJARNYA	CATATAN
8.	Dokumen Kontrak	2. Dokumen kontrak tidak ditandatangani oleh pegawai yang sepatutnya. 3. Dokumen kontrak tidak disediakan.	Pegawai (mengikut had nilai yang telah ditetapkan) dalam tempoh 4 bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat.	Kerajaan Perkara 4 (muka surat 5 hingga 7). 2. Akta Kontrak Kerajaan 1949 Warta Kerajaan Jilid 62 No. 15 bertarikh 19 Julai 2018